

Dr M bimbang kesan ceramah di Kubang Pasu

BH 2 MAY 1986

JITRA, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bimbang langkah Pas menganjurkan perhimpunan dan ceramah besar-besaran membabitkan pemimpin-pemimpin utamanya di Kubang Pasu, Isnin depan, sebagai tindakan yang boleh menghancurkan masyarakat tempatan semata-mata kerana hendak menang pilihanraya.

Selaku Ketua Umno bahagian itu, beliau mengingatkan penduduk tempatan, bahawa golongan berkepentingan akan datang membuat pelbagai tuduhan palsu, fitnah dan tohmah semata-mata untuk mengelirukan rakyat.

Perdana Menteri, yang juga Presiden Umno, merujuk kepada laporan akhbar, bahawa semua pemimpin pusat Pas akan menghadiri perhimpunan dan ceramah sehari suntuk di Kubang Pasu, Isnin ini.

Menurut laporan itu, Kubang Pasu dipilih sebagai 'sasaran' pertama untuk menyatukan sokongan bagi menewaskan Datuk Seri Dr Mahathir dalam kawasan pilihanrayanya.

Beliau berkata, Pas akan cuba menimbulkan kekeliruan dan kebencian di kalangan rakyat dengan menyebarkan pelbagai cerita semata-mata untuk menang.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat harus tenang dan menggunakan fikiran untuk menimbang segala tuduhan yang dilemparkan terhadap kerajaan.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan, walaupun rakyat sendiri tenang dan boleh memikir, ada iblis dan syaitan yang merasuk mereka untuk membuat perkara yang tidak baik.

Menurutnya, Umno bertanggungjawab mempertahankan umat Islam dan orang Melavu.